

Journal Online Jaringan Pengajian Seni Bina (JOJAPS)

e-MoED

Nyi Imas Binti Muhamad Chong, Nurulizati binti Mueedin & Nur Izzah Syazwani binti Abd Manaf

Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, Politeknik Ibrahim Sultan, 81700 Johor, Malaysia

Abstrak

Idea penghasilan inovasi e-MoED adalah berdasarkan kepada keperluan pelajar untuk memahami keseluruhan proses pengurusan acara yang menumpukan kepada komponen event design. e-MoED merupakan satu module berbentuk e-book yang merangkumi asas pengetahuan, latihan pengukuhan, pelaksanaan latihan praktikal serta sumber rujukan yang boleh membantu pelajar dalam mencapai hasil pembelajaran bagi mata pelajaran DTE30114 Event Design. Skop inovasi ini memberi nilai tambah kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang menjadi tugas hakiki kepada pensyarah. Projek inovasi ini memberi impak positif kepada pelajar dan pensyarah dalam aspek pengurusan masa yang efektif serta penjimatan kos.

© 2020 Published by JOJAPS Limited.

Keywords: e-MoED, DTE30114 Event Design, e-book

1. Pengenalan

DTE30114 Event Design merupakan salah mata pelajaran wajib yang perlu diambil semasa semester tiga oleh pelajar Diploma Pengurusan Acara (*Diploma in Event Management*) di Politeknik Malaysia. Mata pelajaran ini menawarkan pengetahuan berkenaan konsep, prinsip, elemen asas dan menerapkan keberkesanan serta fungsi proses *event design* dalam melaksanakan sesuatu acara. Dalam mata pelajaran ini pelajar juga diberi pendedahan untuk memilih teknik mereka (*designing*) dan menghias dengan betul, pemilihan jenis hiburan yang bersesuaian dengan konsep dan penggunaan teknologi terkini. Sehubungan dengan itu, di akhir pembelajaran pelajar juga dikehendaki mempraktikkan kemahiran *event design* yang dipelajari dalam mengurus sesuatu acara.


2. Latar Belakang Inovasi

Idea penghasilan inovasi e-MoED adalah berdasarkan kepada keperluan pelajar untuk memahami keseluruhan proses pengurusan acara yang menumpukan kepada komponen event design. e-MoED merupakan satu module berbentuk *e-book* yang merangkumi asas pengetahuan, latihan pengukuhan, pelaksanaan latihan praktikal serta sumber rujukan yang boleh membantu pelajar dalam mencapai hasil pembelajaran bagi mata pelajaran DTE30114 Event Design. Skop inovasi ini memberi nilai tambah kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang menjadi tugas hakiki kepada pensyarah. Projek inovasi ini memberi impak positif kepada pelajar dan pensyarah dalam aspek pengurusan masa yang efektif serta penjimatan kos.

Menurut Purwanto (2007: 9) Modul ialah bahan belajar yang dirancang secara sistematik berdasarkan kurikulum tertentu dan dikemas dalam bentuk satuan pembelajaran terkecil dan memungkinkan dipelajari secara mandiri dalam satuan waktu tertentu. Tujuannya agar peserta dapat menguasai kompetensi yang diajarkan dalam diklat atau kegiatan pembelajaran dengan sebaik-baiknya. Fungsinya sebagai bahan belajar yang digunakan dalam kegiatan pembelajaran peserta didik. (Purwanto, 2007: 10). Menurut Nana Sudjana (2002: 132), modul merupakan jenis kesatuan kegiatan belajar yang terencana, dirancang untuk membantu pada para siswa secara individual dalam mencapai tujuan-tujuan belajarnya.

Modul merupakan bahan ajar cetak yang dirancang untuk dapat dipelajari secara mandiri oleh peserta pembelajaran. Modul disebut juga media untuk belajar mandiri karena di dalamnya telah dilengkapi petunjuk untuk belajar sendiri Surya Dharma, (2008). Menurut S. Nasution (2003: 205) Modul dapat dirumuskan sebagai unit yang lengkap dan berdiri sendiri dan terdiri atas suatu unit rangkaian kegiatan yang disusun membantu siswa mencapai sejumlah tujuan yang dirumuskan secara khusus dan jelas. Surya Dharma, (2008), proses pembelajaran pada dasarnya adalah proses komunikasi yang diwujudkan melalui kegiatan penyampaian informasi kepada peserta didik. Informasi yang disampaikan dapat berupa pengetahuan, keahlian, skill, ide, pengalaman, dan sebagainya.

Neyole Misiko Jacob (2014) menyatakan buku elektronik yang juga dikenali sebagai e-book, buku digital atau e-edisi merupakan penulisan dan penerbitan buku dalam bentuk digital. E-book mengandungi teks, imej atau kedua-duanya dan boleh dibaca melalui komputer atau peranti elektronik lain. Selain itu e-book juga merupakan sebuah buku yang berbentuk digital atau elektronik dimana biasanya mengandungi informasi, panduan dan tutorial. E-book ini boleh digunakan melalui platform seperti komputer, tablet, dan smartphone. (Wikipedia encyclopedia). Brown (2005: 2) mendefinisikan event design sebagai ciptaan, pembangunan konseptual dan mereka acara untuk memaksimumkan kesan positif dan bermakna kepada audien dan peserta yang hadir. Manakala *Event Management Body of Knowledge (EMBOK, 2006)* mengklasifikasikan event design sebagai salah satu daripada lima domain utama dalam pengurusan acara selain pentadbiran, pemasaran, pengoperasian dan pengurusan risiko.



Rajah 1: Domain Pengurusan Acara

Disamping itu, lima domain utama ini juga mempunyai tujuh sub-domain lain sebagaimana yang ditunjukkan gambarajah dibawah;

ADMINISTRATION	DESIGN	MARKETING	OPERATIONS	RISK
Financial	Content	Marketing Plan	Attendees	Compliance
Human Resources	Theme	Materials	Communications	Decisions
Information	Program	Merchandise	Infrastructure	Emergency
Procurement	Environment	Promotion	Logistics	Health & Safe
Stakeholders	Production	Public Relations	Participants	Insurance
Systems	Entertainment	Sales	Site	Legal
Time	Catering	Sponsorship	Technical	Security

Rajah 2: Sub-Domain Pengurusan Acara

Sehubungan itu idea untuk menghasilkan e-MoED adalah bertujuan untuk merangkumkan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran *DTE30114 Event Design* dalam satu modul yang berbentuk *e-book*.

3. Pernyataan Masalah

Inovasi P&P e-MoED ini dijalankan berdasarkan pemerhatian pensyarah terhadap pelajar semester empat sesi Disember 2019 yang mengambil subjek *DTE3014 Event Planning* di mana pensyarah mendapati pelajar kurang memahami konsep event design semasa membuat perancangan projek akhir dalam mata pelajaran *DTE3014 Event Planning*.

4. Tujuan Inovasi

Inovasi P&P e-MoED dibuat dengan tujuan untuk menambah pemahaman dan asas kemahiran pelajar dalam mata pelajaran DTE30114 *Event Design*.

5. Objektif Kajian

- 5.1 Membangunkan satu modul berbentuk *e-book*.
- 5.2 Meningkatkan kefahaman pelajar berkenaan konsep, prinsip dan elemen asas dalam mata pelajaran DTE30114 *Event Design*.
- 5.3 Meningkatkan asas kemahiran dalam mata pelajaran DTE30114 *Event Design*.

6. Rasional Membangunkan Inovasi

Inovasi e-MoED dibuat berlandaskan keperluan pelajar untuk meningkatkan kefahaman dan asas kemahiran pelajar dalam mata pelajaran DTE30114 *Event Design*. Inovasi ini juga dapat membantu pensyarah menyampaikan bahan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan sehingga pelajar berjaya melaksanakan amali/projek dengan jayanya.

7. Kaedah Perlaksanaan Inovasi

Inovasi P&P e-MoED ini dijalankan berdasarkan pemerhatian pensyarah terhadap pelajar semester empat sesi Disember 2019 yang mengambil subjek DTE3014 *Event Planning*. Berikut adalah langkah-langkah yang telah dilakukan oleh pensyarah untuk melaksanakan inovasi ini.

- i. Pada awal semester, pensyarah mendapati pelajar kurang memahami konsep event design semasa membuat perancangan projek akhir dalam mata pelajaran DTE3014 *Event Planning*.
- ii. Pensyarah cuba untuk memahami pelajar konsep event design dengan cara penjelasan ringkas secara mind map, brain storming dan perbincangan bersama pelajar.
- iii. Sebagai langkah pengukuhan pensyarah juga berusaha berkongsi ilmu dengan pelajar berkaitan event design melalui Event Management Body of Knowledge (EMBOK).
- iv. Pensyarah mendapati jam yang diperuntukan untuk mengajar mata pelajaran DTE3014 *Event Planning* telah terjejas disebabkan pada masa yang sama pensyarah perlu mengajar semula ilmu Event Design pada pelajar.
- v. Disebabkan itu pensyarah mendapat idea untuk menghasil inovasi e-MoED dengan harapan pelajar dapat mengukuhkan pemahaman dan asas kemahiran mereka sebelum mengambil mata pelajaran DTE3014 *Event Planning* kerana dalam subjek DTE3014 *Event Planning* pelajar perlu menguasai sepenuhnya ilmu yang berkaitan dengan event design terlebih dahulu.
- vi. Pensyarah berbincang dan brainstorming untuk mengatasi masalah pelajar
- vii. Mengumpul tajuk-tajuk dan nota-nota bagi mata pelajaran DTE30114 *Event Design*
- viii. Menghasilkan bentuk-bentuk latihan pengukuhan yang dapat meningkatkan kefahaman pelajar Menghasilkan bentuk-bentuk arahan tugas untuk pelaksanaan latihan praktikal yang dapat meningkatkan kemahiran pelajar.
- ix. Mengumpul semua nota, latihan pengukuhan, latihan praktikal serta sumber rujukan untuk die-bookkan.
- x. Akhir sekali adalah proses penghasilan *e-book*

8. Faedah-Faedah Inovasi / Impak/ Keberkesanan Elemen Kriteria Kecemerlangan

Inovasi eMoED ini telah membawa beberapa faedah seperti yang diterangkan dibawah:

- i. Praktikal
Inovasi e-MoED ini praktikal kepada pelajar sebagai persediaan sebelum mengambil mata pelajaran DTE3014 *Event Planning* dan seterusnya DTE6044 *Event Project*.
- ii. Mudah digunakan
Inovasi e-MoED ini mudah digunakan kerana pelajar boleh mengakses nota, latihan pengukuhan, pelaksanaan latihan praktikal serta sumber rujukan melalui aplikasi internet yang berbentuk *e-book*.
- iii. Menjimatkan sumber/ masa/ kos
Inovasi e-MoED menjimatkan masa kerana pelajar boleh mengakses *e-book* ini dimana sahaja mereka berada dan pada bila-bila masa melalui aplikasi internet. Selain itu, *e-book* ini juga membantu para pelajar dari segi penjimatan kos mencetak bahan nota sebagai keperluan dalam pengajaran dan pembelajaran.
- iv. Memberi faedah/ kesan positif / impak kepada motivasi dan pencapaian pelajar

- a. Pelajar mempunyai ilmu dan kefahaman yang lebih baik dalam *event design*.
 - b. Pelajar lebih faham konsep, prinsip dan elemen asas serta dapat menerapkan keberkesanan serta fungsi proses *event design* dalam melaksanakan sesuatu acara semasa proses membuat perancangan dalam mata pelajaran DTE3014 Event Planning.
 - c. Pelajar akan menjadi lebih peka terhadap keperluan perancangan sesuatu acara.
 - d. Pelajar dapat mempraktikkan ilmu dan kemahiran yang dipelajari semasa menjalani latihan industri kelak.
- v. Hasilnya berpotensi untuk diguna sama
- Inovasi e-MoED didapati berkesan untuk meningkatkan content-validity dan boleh diguna sama dengan pelajar dan pensyarah di dua politeknik lain yang juga menawarkan program Diploma Pengurusan Acara iaitu Politeknik Merlimau, Melaka dan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis.

9. Kesimpulan

Diharapkan dengan adanya inovasi e-MoEd ini akan memberi manfaat kepada pelajar terutama dalam meningkatkan kefahaman berkenaan konsep, prinsip dan asas kemahiran dalam mata pelajaran DTE30114 Event Design dan sekaligus dapat menjaga kelestarian dengan penggunaan e-book sebagai bahan rujukan pengajaran dan pembelajaran.

Rujukan

- Monroe, J. C. (2010). *Art of the Event : Complete Guide to Designing and Decorating Special Events With Professional Event Coordination Set*. USA : John Wiley & Son Ltd (ISBN:0-470-90568-9)
- Allen, J., O'Toole, W., Harris, R., and McDonnell, I. (2011). *Festival and Special Event Management*. John Wiley & Sons Australia. (ISBN 978-1-74216-461- 8).
- Body of Knowledge Meeting or Event. Retrieved from <http://www.mpiweb.org/Education/BodyOfKnowledge>
- Halsey, T. (2010). *Freelancer's Guide to : Corporate Event Design*. Focal Press, UK.(ISBN 978-0-240-81224-3).
- Janssens, R., and Luijter, D. (2016). *Event Design Handbook: Sistematically Design Innovative Events*. BIS Publisher. (ISBN: 9063694342)
- Matthews, D. (2015). *Special Event Production: The Process*. (2nd Edition). Digital.(ISBN:10:1-317-66430-2).
- Silvers, J. R. (2012). *Professional Event Coordination*. (2nd Edition). John Wiley & Sons, New Jersey. (ISBN 978-0-470-56071-6).
- Van Der Wagen, L., and White, L. (2010). *Event Management for Tourism, Cultural, Business and Sporting Events*. Pearson, Australia. (ISBN 978-1- 4425-3488-9).